

Rangsang anak muda berkarya

► **IRMA KAMARUDIN**
irmak@sph.com.sg

SETIAUSAHA Parlimen Kanan (Pendidikan merangkap Pembangunan Sosial dan Keluarga), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, berharap lebih banyak perangsang dapat diberikan kepada anak muda supaya tampil menyumbang dalam dunia persuratan Melayu.

Ditemui di akhir Pertemuan Sastera Singapura (PSS) di Taman Warisan Melayu semalam, beliau berkata lebih banyak peluang juga harus diberi kepada anak muda berkarya dan menulis.

Dr Faishal menambah, beliau berasa teruja dan gembira melihat semangat penulis dan pihak berkepentingan yang telah bekerjasama sejauh ini, juga terdapat lebih banyak sumber pendanaan dan sokongan masyarakat bagi memajukan dan memasyarakatkan bahasa, budaya dan kesusasteraan Melayu.

“Ini satu gambaran positif. Kita harus meneruskan perjalanan dan berikan lebih banyak perangsang kepada anak muda kita, di mana lama-kelamaan, kita dapat lihat lebih ramai anak muda tampil menyumbang dan mereka diberi peluang berkarya, menulis dan lain-lain,” katanya.

Beliau berkata, adanya pelbagai anugerah yang disediakan seperti Anugerah Persu-

ration oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan anugerah Hadiah Sastera Asas '50-NUS yang baru diperkenal semalam, memberi peluang kepada penulis setempat terus membangun bakat mereka dan menyediakan lebih banyak wadah untuk karya mereka diiktiraf.

“Harapan saya adalah menyuntik semangat dan peluang bagi generasi muda. Kita mahu anak muda ini melihat terdapat pelbagai wadah pengiktirafan yang boleh diraih.

“Dengan kerjasama mereka dan penulis mapan, saya berharap ini akan menyediakan ruang yang subur bagi mereka berkembang maju,” kata beliau.

Buat julung-julung kalinya, Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50) berganding bahu dengan Universiti Nasional Singapura (NUS) memperkenalkan anugerah Hadiah Sastera Asas '50-NUS.

Hadiah itu diberi dalam bentuk Hadiah Sastera, Hadiah Kepujian, Hadiah Merit dan Pengiktirafan Khas.

Sejumlah sembilan penulis dan penyair menerima anugerah, antaranya Encik Samsudin Said, yang memenangi Hadiah Sastera bagi kategori puisi untuk karya bertajuk *Seorang Ibu Tua di Bawah Jambatan Benjamin Henry Sheares*, manakala Encik Hamed Ismail memenangi Hadiah Sastera bagi kategori cerpen dengan karya bertajuk *Ali Balin*.



Wartawan *Berita Harian* Chairul Fahmy Hussaini juga antara mereka yang menerima Pengiktirafan Khas dalam kategori cerpen.

Majlis semalam turut menyaksikan dua buku dilancar – antologi sajak dan cerpen ter-

bitan Asas '50 bertajuk *Gerimis Di Kota Pelangi* dan buku kumpulan artikel bahasa Mandarin bertajuk *Bahasa Kecil Pentas Besar* tulisan Cik Chan Maw Woh, yang memaparkan perkembangan bahasa dan sastera

Melayu Singapura.

PELANCARAN BUKU:
Dr Faishal (dua dari kanan) bersama Presiden Asas '50, Encik Hoirull Amri Tahiran (kiri), melancarkan buku antologi *Gerimis Di Kota Pelangi* dan buku kumpulan artikel mengenai perkembangan bahasa dan sastera Melayu Singapura berjudul *Bahasa Kecil Pentas Besar* di majlis Pertemuan Sastera Singapura semalam.
– Foto KHALID BABA